



14 April 2014
14 April 2014
P.U. (A) 102

WARTA KERAJAAN PERSEKUTUAN

FEDERAL GOVERNMENT GAZETTE

PERINTAH HAD LAJU (LEBUH RAYA SUNGAI BESI) 2014

SPEED LIMIT (SUNGAI BESI HIGHWAY) ORDER 2014



DISIARKAN OLEH/
PUBLISHED BY
JABATAN PEGUAM NEGARA/
ATTORNEY GENERAL'S CHAMBERS

AKTA PENGANGKUTAN JALAN 1987

PERINTAH HAD LAJU (LEBUH RAYA SUNGAI BESI) 2014

PADA menjalankan kuasa yang diberikan oleh subseksyen 69(2) Akta Pengangkutan Jalan 1987 [*Akta 333*], Menteri membuat perintah yang berikut:

Nama dan permulaan kuat kuasa

1. (1) Perintah ini bolehlah dinamakan **Perintah Had Laju (Lebuh Raya Sungai Besi) 2014**.

(2) Perintah ini mula berkuat kuasa pada 15 April 2014.

Larangan

2. (1) Pemanduan suatu kenderaan motor dengan kelajuan yang melebihi had laju yang dinyatakan dalam ruang (2) Jadual Pertama di atas jalan yang dinyatakan dalam ruang (1) dilarang.

(2) Jalan dengan had laju yang dinyatakan di bawah subperenggan (1) ditunjukkan dalam peta dalam Jadual Kedua.

Pembatalan

3. Perintah Had Laju (Lebuhraya Sungai Besi) 2000 [*P.U. (A) 111/2000*] dibatalkan.

JADUAL PERTAMA

(1)	(2)
<i>Jalan</i>	<i>Had laju (km/j)</i>
Bahagian jalan yang dikenali sebagai Lebuhraya Sungai Besi yang bermula dari—	
(a) kilometer 0.0 laluan utama di Persimpangan Bertingkat UPM di koordinat U332136.086, T414399.924 Grid <i>Rectified Skew Orthomorphic</i> (RSO) Geosentrik (GDM 2000) dan berakhir di kilometer 21.9 di Tanjakan Jalan Pandan 1 di koordinat U347116.310, T416241.808 Grid RSO Geosentrik (GDM 2000);	80
(b) kilometer 0.0 Hubungan Istana di koordinat U345245.105, T414032.765 Grid RSO Geosentrik (GDM 2000) dan berakhir di kilometer 2.3 Hubungan Istana di Tanjakan Jalan Istana di koordinat U345713.126, T411932.191 Grid RSO Geosentrik (GDM 2000);	80
(c) kilometer 0.0 Hubungan Besraya di koordinat U343708.791, T412258.890 Grid RSO Geosentrik (GDM 2000) dan berakhir di kilometer 0.7 Hubungan Besraya di koordinat U344463.584, T412262.787 Grid RSO Geosentrik (GDM 2000); dan	80
(d) kilometer 0.0 Hubungan Pandan di koordinat U345665.352, T414843.753 Grid RSO Geosentrik (GDM 2000) dan berakhir di kilometer 3.3 Hubungan Pandan di Jalan Pandan Indah di koordinat U346757.162, T417890.631 Grid RSO Geosentrik (GDM 2000).	80